

10 JAN 2002

Indera-Reaksi

PEMIMPIN-PEMIMPIN YAKIN BN DAPAT PERTAHANKAN INDERA KAYANGAN

KANGAR, 10 Jan (Bernama) -- Sebaik selesai proses penamaan calon hari ini bagi pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri Indera Kayang, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sepakat melahirkan keyakinan BN akan menang di situ pada hari pengundian 19 Jan nanti.

Calon BN Oui Ah Lan, 59, ditentang oleh Khoo Yang Chong, 60, dari Parti Keadilan Nasional di kubu kuat BN itu. Penyandang kerusi itu, Datuk Khor Liang Tee yang meninggal dunia bulan lepas, telah mewakili kawasan itu selama tiga penggal berturut-turut.

Tinjauan di kalangan pemimpin-pemimpin BN yang turut mengiringi Oui ke pusat penamaan calon pagi ini, menunjukkan kesemua mereka tidak ragu-ragu menyatakan BN akan menang.

+ PRESIDEN MCA DATUK SERI DR LING LIONG SIK : "Saya yakin Barisan Nasional mampu mempertahankan kerusi Indera Kayangan berdasarkan rekod cemerlang perkhidmatan bekas wakil rakyatnya.

Mendiang Datuk Khor telah memberikan perkhidmatan yang baik kepada para pengundi di kawasan itu sepanjang tempoh tiga penggal beliau menduduki kerusi itu."

+ SETIAUSAHA AGUNG UMNO TAN SRI KHALIL YAAKOB : "Saya percaya rakyat sudah matang untuk membuat pilihan, apatah lagi mereka sentiasa bersyukur di atas ketenteraman dan kemajuan yang dikecapi selama ini."

NAIB PRESIDEN UMNO TAN SRI MUHAMMAD MUHAMAD TAIB : "Kemenangan BN sudah menyerlah di hadapan kerana calon BN lebih disenangi rakyat. Tumpuan sekarang ialah untuk menentukan majoriti yang lebih besar."

+ PRESIDEN PARTI MAJU SABAH (SAPP) DATUK YONG TECK LEE : "Maklumat balas amat positif menunjukkan kita akan menang."

+ PRESIDEN PARTI PROGRESIF PENDUDUK (PPP) Datuk M.Kayveas : "Keadilan tidak seharusnya bertanding semata-mata kerana mahu bertanding."

+ TIMBALAN PRESIDEN MIC DATUK S.SUBRAMANIAM : "Peluang BN amat cerah kerana rakyat tahu menghargai kestabilan dan keamanan."

+ PRESIDEN PERTUBUHAN PASOK MOMOGUN KADAZANDUSUN BERSATU (UPKO) TAN SRI BERNARD DOMPOK : "Berdasarkan majoriti dulu yang hampir 2,000, saya yakin BN akan terus kuasai kerusi ini."

+ KETUA MENTERI PULAU PINANG DAN NAIB PRESIDEN GERAKAN TAN SRI DR KOH TSU KOON : "Memanglah BN tidak sempurna, tetapi kita telah menunjukkan komitmen dan mempunyai rekod yang baik dalam membela nasib nasib. Saya yakin rakyat tahu."

+ KETUA PEMUDA UMNO DATUK HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN : "Pemuda Umno akan bekerja keras untuk menjamin kemenangan BN dengan majoriti lebih besar."

Malahan, mereka yang bukan daripada kalangan pemimpin BN turut berpendapat BN tidak akan menghadapi masalah mengekalkan kerusi itu.

+ Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Rukun Tetangga Perlis Sharif Md Saman : "Saya yakin BN akan mengekalkan kerusi Indera Kayangan kerana ia telah buktikan kejayaan dalam mewujudkan perpaduan antara kaum."

+ SETIAUSAHA DEWAN PERNIAGAAN CINA PERLIS CHAN YAT HOY : "Kami ahli perniagaan yakin kepada kemampuan BN kerana kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim telah banyak membantu peniaga-peniaga tanpa mengira kaum."

+ SETIAUSAHA DEWAN PERNIAGAAN MELAYU PERLIS DATUK TALIB ALI : "Di bawah kepimpinan BN, banyak peniaga Bumiputera berjaya di bidang perniagaan sebagaimana yang dikehendaki dalam Dasar Ekonomi Baru."

Dari sudut pembangkang pula :

+ PRESIDEN KEADILAN DATIN SERI DR WAN AZIZAH ISMAIL : "Saya akui kawasan ini kubu kuat BN tetapi peluang kami cerah kerana calon kami seorang berwibawa."

+ NAIB PRESIDEN PAS DATUK MUSTAFA ALI : "Pas akan bekerja kuat membantu Keadilan."

-- BERNAMA

RIS AT JM MAI